

31 May 2023

GDEX LABUR RM25J TINGKAT KAPASITI HAB AUTOMATIK

BH Rabu, 31 Mei 2023

Bisnes

33

GDEX labur RM25j tingkat kapasiti hab automatik

Kapasiti penyisihan ditambah kepada 350,000 penghantaran sehari

Oleh Mohd Zaky Zaimuddin
zaky@bh.com.my

Penyedia perkhidmatan penghantaran ekspres, GDEX Bhd melabur RM25 juta bagi melaksanakan operasi hab automatik, kemudahan yang akan meningkatkan kapasiti penyisihan tiga kali ganda kepada 350,000 penghantaran sehari.

Kemudahan penyisihan automatik sepenuhnya berkecuali 145,000 kaki persegi menggunakan teknologi pintar dengan keupatan penyisihan 99.99 peratus untuk me-

mendekatkan masa pemalihan dan mengurangkan risiko kerosakan bungkusan, selain meningkatkan kualiti perkhidmatan pelanggan.

Dikenali sebagai GDEX Auto Hub, kemudahan itu kira-kira 30 peratus lebih besar daripada hab penyisihan kumpulan sebelum ini di Petaling Jaya.

GDEX Auto Hub menggunakan penyisih sorot bersilang dua-dak untuk memaksimumkan kapasiti penyisihan dengan menggunakan ruang udara hab.

Guna peralatan mesra alam

Selain itu, GDEX Auto Hub menggunakan peralatan mesas alam seperti feklif dan baki paket elektrik yang dikendalikan oleh bateri bertenaga dicas semula, menjadi salahsatu usaha berterusan GDEX untuk mengurangkan jejak karbon dalam operasi hartan kumpulan.

Pengarah Urusan dan Ketua Pe-

gawai Eksekutif Kumpulan GDEX, Teong Teck Lean, berkata GDEX Auto Hub melengkapkan inisiatif transformasi GDEX 2.0 yang memerlukan pembinaan ekosistem logistik lengkap dan berasaskan teknologi yang memenuhi keperluan pelanggan yang semakin dinamik.

"GDEX Auto Hub menjadi satu lagi kejayaan dalam memperkuatkan GDEX untuk masa hadapan."

"Kami terus memanfaatkan keupayaan dalam kejuruteraan proses dan mempekatkan penyelesaian teknologi terkini dalam operasi untuk menawarkan kepastian dan kebolehpercayaan kepada perniagaan."

"Dengan cara ini, kami secara strategik mengubah cara mendahankan penghantaran, sambil turut menggerakkan peralagaan pada kadar yang dipercepatkan," katanya kepada media selepas majlis perasmian GDEX Auto Hub di



Teck Lean bersama Fahmi pada perasmian GDEX Auto Hub di Petaling Jaya, semalam. (Foto: Elzairi Starusah/SH)

Petaling Jaya, semalam.

Perasmian GDEX Auto Hub disempurnakan oleh Menteri Komunikasi dan Digital, Fahmi Fadzil.

Yang turut hadir, Pengurus GDEX, Tan Sri Muhammad Ibrahim.

Mengulas lanjut, Teck Lean berkata, teknologi penyisihan terbaru di GDEX Auto Hub menyediakan pilihan kepada pekerja syarikat itu meningkatkan kemahiran, selaras dengan keperluan negara.

Katanya, GDEX telah memulakan persembing penting dalam pembangunan kerjaya terutama

untuk mereka yang tidak berjaya melengkapkan pendidikan di sekolah menengah.

"Kami telah menubuhkan GDEX Academy yang menawarkan Program Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dalam segmen logistik dan penghantaran. Tahun lalu sahaja, kami menyediakan latihan dan pendidikan kepada lebih 4,000 individu," katanya.

Beliau menjelaskan, sektor penghantaran ekspres dan logistik kekal sebagai komponen penting dalam ekonomi negara dan menjadi tulang hayut kepada banyak perniagaan.